

PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG



Projek Penyelidikan Geoteknikal: Kerja Lapangan JKR Probe di Politeknik Bagan Datuk, Perak

Azura Ahmad, Dr. Anas Ibrahim, Badrul Nizam Ahmad,
Dr. Juhaizad Ahmad

Pada 23 hingga 24 Disember 2024, satu aktiviti lawatan dan kerja lapangan telah berjaya dilaksanakan di kawasan Politeknik Bagan Datuk, Perak. Aktiviti ini melibatkan beberapa orang pensyarah pengiring serta pelajar projek tahun akhir (FYP) daripada Pengajian Kejuruteraan Awam (PPKA), UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Tujuan utama aktiviti ini adalah bagi melaksanakan kajian penyelidikan hasil kolaborasi antara PPKA UiTM Cawangan Pulau Pinang dan Perunding Consulface Sdn. Bhd. Kerjasama strategik ini telah dimeterai menerusi satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak, yang bertujuan mengukuhkan jaringan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan geoteknikal.

Objektif Aktiviti

Objektif utama lawatan dan kerja lapangan ini adalah:

1. Memperoleh data sokongan bagi tujuan penyelidikan bertajuk *"Verification of Ground Improvement & Site Investigation Results from Pile Driving Analyzer (PDA) Test"*.
2. Memberikan pendedahan dan pengalaman secara praktikal (hands-on) kepada pelajar projek tahun akhir dalam menjalankan ujian lapangan serta menganalisis data yang diperolehi.

Pelaksanaan Kerja Lapangan

Kajian penyelidikan yang dijalankan berfokus kepada *"Verification of Ground Improvement & Site Investigation Results from Pile Driving Analyzer (PDA) Test"*. Bagi tujuan ini, peralatan JKR Probe telah digunakan bagi menjalankan ujian dan siasatan tanah di beberapa lokasi strategik dalam kawasan politeknik.

Antara lokasi-lokasi ujian yang telah dipilih adalah:

- Kawasan Padang
- Bangunan Pentadbiran

Rumusan Aktiviti

Secara keseluruhannya, lawatan dan kerja lapangan ini telah berjalan dengan lancar serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pelaksanaan ujian menggunakan peralatan JKR Probe telah berjaya memperoleh data yang berkualiti tinggi. Data yang dikumpulkan ini akan digunakan bagi menyokong kajian penyelidikan bersama antara PPKA UiTM Cawangan Pulau Pinang dan Perunding Consulface Sdn. Bhd., seterusnya menyumbang kepada pembangunan ilmu pengetahuan dalam bidang penyiasatan geoteknikal dan penambahbaikan tanah.



Sesi taklimat oleh wakil pengurusan Politeknik Bagan Datuk kepada peserta lawatan.